

SIARAN MEDIA

KPKT UMUM PERUNTUKAN RM5.48 JUTA BAGI PROJEK MENAIK TARAF DAN PENYELENGGARAAN INFRASTRUKTUR AWAM DI MANJUNG, PERAK

MANJUNG, 3 Jun 2023 – YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM), Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM5.48 juta kepada Majlis Perbandaran Manjung dan Kampung Baru Cina dalam lawatan kerja rasmi beliau ke Manjung hari ini.

YB KM telah mengadakan sesi lawatan ke Pasar Awam Ayer Tawar, Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Ayer Tawar, Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Ayer Tawar, Kampung Baru Ayer Tawar (Taman Disneyland), Chinese Methodist Church dan Wesley Methodist Church Sitiawan, Manjung bagi meninjau kemudahan asas dan keperluan berkaitan kemudahan awam tersebut.

Jumlah peruntukan yang telah diluluskan oleh Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) ini meliputi projek menaik taraf dan penyelenggaraan seperti berikut;

1. Meruntuh dan membina semula Pasar Awam Ayer Tawar;
2. Menaik taraf Pasar Awam Beruas;
3. Membina kiosk penjaja di Jalan Gapis, Seri Manjung;
4. Menaik taraf sistem pencahayaan sekitar Bandar Seri Manjung dan Lumut;
5. Menaik taraf pencahayaan sekitar Pantai Kulit Kerang, Pantai Remis;
6. Membekal dan memasang pagar dari jenis *anti-climb* di sekitar Dewan Terbuka Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan, Pulau Pangkor;
7. Menaik taraf sistem perpaipan di tandas Teluk Nipah 2, menyelenggara *slab* di laluan tapak pembuangan sampah Teluk Cempedak dan menukar bumbung jenis kaca pada gerai jualan no. 5 di Kota Belanda, Teluk Cempedak;
8. Mengecat semula garisan jalan di Zon A, Seri Manjung;
9. Membaik pulih dan menyelenggara bumbung kawasan gerai di Teluk Batik;

10. Projek Pembangunan Infrastruktur dan Pengindahan Kampung Baru di daerah Manjung; dan
11. Pengubahsuaian dan menaik taraf Sitiawan Wesley Methodist Church.

Menurut YB KM, “KPKT meluaskan ‘sentuhan kasih sayang’ dengan meluluskan peruntukan berjumlah RM5.48 juta kepada Majlis Perbandaran Manjung dan Kampung Baru Cina serta Rumah Ibadat bukan Islam. Penyaluran peruntukan tersebut bertujuan untuk meningkatkan kualiti fasiliti awam sekitar Manjung sebagai usaha mempergiat dan merancakkan ekonomi setempat demi manfaat penduduk Manjung.”

Tambah beliau, “Keseluruhan peruntukan naik taraf dan pengindahan Kampung Baru Ayer Tawar merupakan “*performance-based budget*” atau peruntukan berlandaskan pelaksanaan bagi memastikan perkhidmatan dan fokus KPKT terhadap kesejahteraan rakyat dapat terus dipertingkatkan.”

Turut hadir semasa lawatan kerja tersebut ialah YB Puan Sandra Ng Shy Ching, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Negeri Perak; YB Dato’ Ngeh Koo Ham, Ahli Parlimen Kawasan Beruas; YB Tuan Azman bin Noh, ADUN Pangkalan Baharu; YB Puan Wong May Ing, ADUN Kawasan Pantai Remis; YB Tuan Jason Ng Thien Yeong, ADUN Kawasan Astaka; YBhg. Datuk Saidatu Akhma binti Hassan, Pejabat Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan Dan Persekitaran Mampan) KPKT; YBhg. Dato’ Mohd Fadzli Bin Mohd Kenali, Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan serta Pengurusan Tertinggi KPKT dan ketua jabatan peringkat negeri dan daerah.

KPKT melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) akan sentiasa bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh Malaysia bagi merealisasikan perancangan pembangunan demi meningkatkan mutu perkhidmatan dan kesejahteraan rakyat.

#MalaysiaMadani
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

